

B. Ayat-ayat di bawah ini *mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.*

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 “Ya Tuhanku yang Maha Adil, hanya kepadamu aku mengadu,” Hajah Natrah berdoa. Tiada kesalahan.

A
B C
D
- 2 Kami diberitahu bahawa beliau akan mengambil tindakan tatatertib terhadap siapa yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan. Tiada kesalahan.

A
B
C
D
- 3 “Tuanku menitahkan hamba untuk menyampaikan bingkisan ini kepada tuan hamba,” kata Temenggung kepada Laksamana. Tiada kesalahan.

A
B
C
D
- 4 “Mereka-mereka yang namanya diumumkan oleh beliau mendapat keputusan yang cemerlang dalam PT3 dan SPM,” kata Shalini kepada kami. Tiada kesalahan.

A
B
C
D

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat *satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) “Sesiapa jua yang menderhakai beliau akan dihukum bunuh,” Hang Kasturi mengingatkan Hang Jebat.

- (ii) “Apakah agaknya hadiah yang sesuai kami berikan kepada beliau yang akan bersara pada hujung bulan ini?” tanya Hartini kepada Nirmala di dalam lif.

- (iii) “Jika ada sesiapa yang masih kurang faham akan apa yang saya jelaskan tadi, silakanlah bertanya,” kata Cikgu Patricia kepada anak-anak muridnya.

- (iv) “Anda perlu menulis nama penuh, nombor kad pengenalan, dan menandatangani buku pelawat ini,” kata pengawal di pondok pengawal itu.

- (v) “Kita akan datang lagi untuk menjalankan siasatan susulan,” kata Inspektor Zamri yang ditemani Sarjan Melvin kepada pemilik kedai emas yang dirompak itu.
